



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 16 Mei 2026

Untuk Terbitan Media  
16 Mei 2026

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO FOKUS PADANAN KERJA LEBIH TERSUSUN, PERKUKUH PASARAN BURUH TEMPATAN DI CAMERON HIGHLANDS**

**CAMERON HIGHLANDS:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) komited dalam usaha meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan, khususnya dalam mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing termasuk di kawasan tumpuan pelancong seperti di Cameron Highlands.

PERKESO memaklumkan, menerusi Program Aspirasi LINDUNG dan Kerjaya di lokasi itu, pendekatan lebih tertumpu kepada pepadanan pekerjaan secara lebih tersusun, terutama dalam sektor utama seperti pertanian, perladangan dan pelancongan.

“Mengambil kira struktur ekonomi Cameron Highlands yang didominasi sektor pertanian, perladangan dan pelancongan, PERKESO memperkukuh penyertaan tenaga kerja tempatan sebagai keutamaan strategik.

“Melalui pendekatan pasaran buruh aktif, usaha ini bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, memperluas akses pekerjaan kepada rakyat tempatan serta memastikan mereka dilindungi di bawah jaringan keselamatan sosial yang komprehensif,” menurut kenyataan dikeluarkan PERKESO.

Tambah PERKESO, penganjuran karnival tersebut mencerminkan peranan PERKESO sebagai penghubung utama antara pencari kerja dan majikan melalui platform MYFutureJobs yang kini tidak hanya tertumpu di bandar tetapi masuk ke luar bandar juga.

Bahkan, ia juga membuktikan komitmen utuh PERKESO dan Kerajaan Negeri Pahang membuka ruang pekerjaan buat masyarakat Orang Asli apatah lagi komuniti tersebut merupakan antara populasi utama di Pahang.

“Lebih 2,500 kekosongan jawatan ditawarkan dengan gaji sehingga RM10,000, meliputi peluang di Cameron Highlands serta di pelbagai lokasi lain di seluruh negara.

“Lebih 25 peratus daripadanya adalah jawatan peringkat eksekutif, sekali gus membuka laluan mobiliti sosial kepada pencari kerja untuk meningkatkan taraf hidup,” menurut kenyataan sama.

Antara kekosongan jawatan ditawarkan melibatkan sektor pembuatan, perhotelan, peruncitan dan perladangan, dengan penyertaan majikan terkemuka seperti Top Glove Corporation Berhad, SD Guthrie Bhd, The Exchange TRX, Sony EMCS Sdn Bhd serta Cameron Bharat Group.

Majlis perasmian karnival berkenaan disempurnakan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Cameron Highlands, Dato' Ramli Mohd Nor.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri, Sim Chon Siang dan Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Encik Azirruan bin Arifin.

Dalam pada itu, PERKESO memaklumkan bahawa MYFutureJobs kini menjadi nadi utama pasaran buruh negara dengan jumlah pendaftaran melebihi 3.2 juta pencari, termasuk 127,116 dari Pahang.

Sejak dilancarkan pada 2020, lebih 1.4 juta pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan melalui platform berkenaan, dengan 36,585 ditempatkan di Pahang, manakala 187 program kerjaya dilaksanakan di negeri berkenaan bagi tempoh sepanjang 2026 sahaja.

Karnival yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang itu menghimpunkan pelbagai syarikat terkemuka daripada sektor pembuatan, perhotelan, peruncitan dan perladangan, membuka ruang luas kepada pencari kerja untuk meneroka peluang kerjaya berkualiti.

Selain peluang pekerjaan, pengunjung turut berpeluang menyertai pelbagai aktiviti interaktif seperti sesi Pocket Talk berkaitan LINDUNG Kasih dan LINDUNG Kendiri, semakan resume secara individu, pendaftaran Portal MYFutureJobs, pameran agensi kerajaan serta jualan usahawan tempatan Cameron Highlands.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**16 Mei 2026**